

PILU MENGENANG NASIB TULISAN JAWI

Oleh: Nur Amira Syakirah binti Aspar, 1171793,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Sesebuah tamadun tidak akan dapat dibangunkan tanpa bahasa. Sesuatu bahasa tidak akan dapat diaplikasikan sekiranya tiada ilmu.

Begitulah tulisan Jawi yang mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam sejarah ketamadunan Melayu.

Tulisan Jawi merupakan alat interaksi yang digunakan secara meluas suatu ketika dahulu, di mana ia juga merupakan medium penyebaran ilmu-ilmu Islam.

Namun, kenyataan pahit yang harus ditelan saat ini adalah tulisan Jawi telah tenggelam di arus kemodenan dan ia sudah tidak lagi relevan kerana dikatakan tidak mempunyai nilai komersial dalam kalangan pembaca.

Orang Melayu umumnya kenal apa itu tulisan Jawi, namun begitu tidak ramai yang mampu membaca serta menulis dalam tulisan tersebut.

Lanjutan dari hal itu, tulisan Jawi sekadar dikenali dalam lipatan sejarah sebagai medium penyebaran ilmu Islam. Buktinya banyak karya intelek Melayu ditulis menggunakan tulisan Jawi.

Sebagai contoh tokoh ulama Mohamad Idris Al-Marbawi yang menghasilkan kitab Bahrul Mazi, Tafsir Quran al-Marbawi dan karya beliau masih kekal diulang cetak sehingga kini.

Antara cabaran untuk memartabatkan tulisan Jawi adalah mentaliti orang Melayu itu sendiri yang beranggapan tulisan Jawi adalah semata-mata tulisan berunsur keagamaan.

Selain itu, sikap segelintir orang Melayu tidak meyakinkan bangsanya untuk berbangga dengan khazanah warisan ini.

Hakikatnya, mereka tidak menyedari bahawa tulisan Jawi mempunyai jalur jasa yang besar terhadap kemerdekaan bangsa Melayu suatu ketika dahulu. Justeru itu, ia seharusnya membangkitkan rasa tanggungjawab agar terus dipelihara.

Tulisan Jawi perlu dipertahankan walaupun peredaran teknologi yang amat pantas sebagai tanda penghargaan terhadap pahlawan-pahlawan yang berjuang menerusi mata pena pada zaman prakemerdekaan.

Sebelum pengetahuan moden dipenuhi perbendaharaan yang canggih, tulisan Jawi terlebih dahulu digunakan dalam bidang persuratan, media maklumat dan undang-undang.

Dalam meninjau keresahan hayat tulisan Jawi ketika ini, ada juga berita yang boleh dianggap positif antaranya pengangkatan seni khat Jawi di persada dunia.

Namun, usaha ini dilihat tidak memadai untuk mengangkat semula penulisan Jawi sebagai satu elemen penting dalam jiwa masyarakat dan dipergunakan secara meluas.

Walaupun seni khat berjaya memperlihatkan kalimah-kalimah unik al-Quran yang tersusun mengikut kaedah dan seni tersendiri.

Namun, kita perlu memikirkan bahawa majoriti orang Melayu tidak lagi mampu memahami maksud tulisan tersebut sekalipun ia diukir indah.

Inilah akibatnya apabila tulisan Jawi dipinggirkan oleh orang Melayu sendiri.

